

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(V)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

6. Senaraikan rancangan tebatan banjir yang telah dirancang dan akan dilaksanakan serta jumlah peruntukan yang telah disediakan bagi mengatasi masalah banjir di KADUN Air Itam?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI.**

6. Dalam usaha mengurangkan masalah banjir khususnya di KADUN Air Itam, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah diluluskan peruntukan sebanyak RM400,000.00 bagi tahun 2018 untuk menjalankan kerja-kerja mendalam dan membaiki serta menaik taraf Sungai Air Itam. Projek ini melibatkan dua (2) skop kerja iaitu:
- (i) Mendalam dan membaiki Sungai Air Itam dan lain-lain kerja berkaitan yang kini telah mencapai 40% kemajuan. Kerja ini telah dimulakan pada 11 Jun 2018 dan akan berakhir pada 29 Oktober 2018; dan
  - (ii) Kerja-Kerja Pengukuhan Tebing Sungai Air Itam yang telah mencapai 10% kemajuan. Kerja ini telah dimulakan pada 16 Julai 2018 dan akan berakhir pada 10 Disember 2018.

Di samping itu, sebahagian Sungai Air Itam juga dicadangkan untuk dimasukkan dalam skop kerja projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang yang melibatkan kerja pembinaan kolam takungan berhampiran Suffolk House, Air Itam.